

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 22 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 8

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan warga emas di setiap Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di seluruh negara secara tahunan dari tahun 2014-2018. Sejauh manakah PAWE membantu meningkatkan kualiti hidup warga emas dan adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan bilangan PAWE ini agar dapat dinikmati oleh lebih ramai warga emas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN
TARIKH : 30 APRIL 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 68

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan lebih banyak Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di kawasan-kawasan perumahan memandangkan jumlah rakyat warga emas kian meningkat.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada YB Senator Tuan Aknan Ehtook pada hari ini bersekali dengan pertanyaan daripada YB Senator Puan Bathmavathi Krishnan pada 30 April 2019 kerana kedua-dua pertanyaan adalah saling berkait dengan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

Tan Sri Yang di-Pertua,

PAWE merupakan satu program yang diberi keutamaan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11); “Strategi B5: Menambah baik Persekitaran Warga Emas” di mana Kerajaan akan meneruskan usaha bagi menambah bilangan PAWE dengan sasaran satu Parlimen, satu PAWE (222 Parlimen) dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Sehingga Februari 2019, sebanyak **88** buah PAWE telah ditubuhkan di seluruh negara dan Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM17 juta bermula tahun 2018 sehingga 2023 bagi penubuhan PAWE baharu. Pada tahun ini 2019, Kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM5 juta bagi menubuhkan sekurang-kurangnya 45 buah PAWE dan menjadikan bilangan pada akhir tahun 2019 dijangka berjumlah 133 buah PAWE iaitu meliputi 60 peratus sasaran PAWE di kawasan Parlimen.

Kementerian sentiasa memastikan penubuhan PAWE mengambil kira keperluan warga emas di komuniti, bilangan atau populasi warga emas, premis yang bersesuaian dan mudah diakses sama ada di kawasan perumahan atau di mana-mana lokasi yang menepati kriteria tersebut.

PAWE juga merupakan program yang semakin mendapat perhatian warga emas di mana bilangan warga emas yang berdaftar dan mengikuti program di PAWE kian meningkat setiap tahun. Pada tahun 2014 seramai **27,059** orang warga emas berdaftar, tahun 2015 seramai

SOALAN NO. 8 DAN 68

32,617 orang, tahun 2016 seramai **31,615** orang, tahun 2017 seramai **34,764** orang dan tahun 2018 seramai **38,627** orang warga emas telah berdaftar serta mengikuti program dan aktiviti di PAWE.

Berdasarkan kepada Laporan Penilaian *Outcome* PAWE 2016 yang telah dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan melibatkan seramai **702** orang warga emas dari **45** buah PAWE mendapati bahawa:

- i) **97.4 peratus** warga emas yang mengikuti aktiviti di PAWE berpuas hati dengan aktiviti yang disediakan. Warga emas dapat melakukan pelbagai aktiviti di PAWE mengikut kesesuaian mereka seperti rekreasi, pemeriksaan kesihatan, terapi pemulihan, keagamaan, latihan, sukan dan senaman yang menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup mereka;
- ii) **97.4 peratus** warga emas yang mengikuti aktiviti PAWE dapat menghilangkan rasa kesunyian dan mengurangkan rasa kemurungan di kalangan warga emas;
- iii) **96.5 peratus** daripada warga emas yang mengikuti aktiviti di PAWE berasa bahagia mengikuti aktiviti di PAWE; dan
- iv) **95.9 peratus** warga emas merasakan aktiviti di PAWE dapat meningkatkan potensi dan bakat mereka.

Sehubungan itu, Program PAWE dapat menyediakan aktiviti harian kepada warga emas melalui program pembangunan dan pengintegrasian. *Outcome* program PAWE adalah selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara iaitu mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' ONG CHONG SWEN**
TARIKH : **22 APRIL 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 21

Dato' Ong Chong Swen minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana dan sejauh mana YB Menteri telah membawa agenda reformasi memperkasa status wanita dari segi undang-undang di Malaysia memandangkan YB Menteri juga merupakan YAB Timbalan Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agenda memperkasa wanita dari semasa ke semasa dari pelbagai aspek terutamanya dari segi ekonomi, pembuat keputusan di sektor awam dan korporat serta kepimpinan adalah selari dengan komitmen antarabangsa Kerajaan terhadap Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan juga Dasar Wanita Negara. Dalam usaha untuk mencapai kesaksamaan gender dengan menyediakan persekitaran yang selamat kepada wanita, Kementerian sedang menyediakan draf undang-undang gangguan seksual untuk menangani kelemahan dalam perundangan dan peraturan sedia ada berhubung gejala gangguan seksual secara lebih komprehensif.

Kementerian turut telah menubuhkan *Special Project Team* untuk meneliti dan mewujudkan kerangka perundangan berkenaan kesaksamaan gender bertujuan untuk memastikan setiap individu dapat menikmati hak dan peluang yang saksama tanpa sebarang diskriminasi berasaskan gender di Malaysia. Pewujudan perundangan ini turut bertujuan untuk menyediakan *special temporary measures*, dengan izin untuk menangani isu-isu berkaitan wanita seperti penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dan juga pemerkasaan wanita dalam ekonomi serta tenaga buruh.

Kementerian juga sentiasa menyokong dan terlibat dalam usaha-usaha Kementerian/Agensi/Jabatan lain yang sedang dalam proses untuk melakukan pindaan terhadap undang-undang bagi mengatasi cabaran dan isu yang dihadapi oleh wanita di Malaysia. Terkini, Kementerian Sumber Manusia sedang memperhalusi pindaan bagi Akta Kerja 1955 untuk mengatasi isu-isu yang dihadapi oleh wanita di tempat kerja bagi menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi memastikan wanita menjadi guna tenaga yang produktif.

Tuan Yang di-Pertua,

Agenda kesaksamaan gender perlu dicapai seperti yang termaktub dalam Pekara 8, Perlembagaan Persekutuan, prinsip Rukun Negara dan Dasar Sosial Negara. Penggubalan undang-undang baharu sahaja tidak memadai dan kurang berkesan sekiranya setiap agensi Kerajaan dan rakyat Malaysia tidak memahami prinsip kesaksamaan gender dan tiada diskriminasi berasaskan gender. Sehubungan itu, tanggungjawab memperkasakan wanita di Malaysia untuk mencapai kesaksamaan gender adalah tanggungjawab bersama dan tidak terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DR. YAAKOB BIN SAPARI**
TARIKH : **22 APRIL 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 25:

Dr. Yaakob bin Sapari minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah golongan B40 yang telah menerima bantuan kewangan bulanan dari tahun 1999 hingga 2019. Nyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengurangkan golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan **salah satu** Kementerian yang bertanggungjawab memastikan golongan B40 terus dibantu bagi meningkatkan pendapatan isi rumah golongan ini. Kumpulan B40 merupakan golongan yang berpendapatan seisi rumah dengan pendapatan purata bulanan RM3,860.00. KPWKM memberi fokus golongan B40 yang berpendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan Nasional dengan menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari. Ini kerana, bantuan kebajikan yang diberikan adalah bukan untuk menampung kos sara hidup sepenuhnya sebaliknya ia adalah untuk membantu meringankan beban kewangan yang dialami oleh kumpulan sasar untuk hidup yang lebih selesa dan sempurna.

Bagi memastikan kebajikan masyarakat terjamin, jumlah perbelanjaan dan penerima bantuan dari tahun 2008 sehingga 2019 adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Bil. Penerima Bantuan	Perbelanjaan (RM)
2008	221,602	371,214,940
2009	353,889	758,801,563
2010	424,526	1,195,454,944
2011	473,928	1,352,739,117
2012	514,066	1,472,064,853
2013	492,676	1,542,312,172
2014	492,607	1,461,518,435
2015	487,185	1,529,600,629
2016	462,322	1,529,225,504
2017	478,677	1,523,943,866
2018	501,928	1,697,971,481
2019 (sehingga Februari)	489,113	298,786,044

SOALAN NO. 25

Bagi mengurangkan golongan B40 yang berpendapatan di bawah paras garis kemiskinan pada jangka masa pendek, JKM telah menyediakan bantuan kewangan bulanan bagi membantu mengurangkan bebanan golongan ini. Bantuan kewangan bulanan yang disediakan kepada kepada golongan yang berkelayakan dan memerlukan adalah seperti berikut:

1. **Bantuan Kanak-kanak**, dengan kadar RM100 hingga maksimum RM450 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin atau ibu / bapa tunggal yang menjaga anak-anak mereka.
2. **Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja**, dengan kadar RM250 sebulan dipertimbangkan kepada Orang Kurang Upaya yang tidak berupaya bekerja kerana keadaan kecacatan mereka yang teruk dan tidak berupaya bekerja.
3. **Elaun Pekerja Cacat**, dengan kadar RM400 sebulan dipertimbangkan kepada Orang Kurang Upaya yang sedang bekerja yang pendapatannya kurang daripada RM1,200 sebulan, sebagai insentif supaya mereka terus bekerja.
4. **Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar**, dengan kadar RM350 seorang sebulan dipertimbangkan kepada penjaga Orang Kurang Upaya Terlantar atau Pesakit Kronik Terlantar bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan keluarga penjaga serta memastikan penjagaan yang berkualiti.
5. **Bantuan Orang Tua**, dengan kadar RM350 sebulan dipertimbangkan kepada warga emas yang tidak mempunyai pendapatan untuk meneruskan kehidupan harian.
6. **Bantuan Am Persekutuan**, dengan kadar RM100 hingga RM350 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan kumpulan sasar lain yang memerlukan.
7. **Bantuan Latihan Perantis**, dengan kadar RM200 sebulan dipertimbangkan kepada semua kumpulan sasar JKM yang bersedia

SOALAN NO. 25

untuk mengikuti latihan kemahiran atau penempatan kerja bagi menambahkan kemahiran dalam sesuatu bidang.

8. **Bantuan Anak Pelihara**, dengan kadar RM250 sebulan hingga maksimum RM500 sebulan sekeluarga bagi meringankan tanggungan keluarga pelihara yang sanggup menjaga anak-anak pelihara seperti anak sendiri.

Manakala untuk jangka panjang pula, Bantuan Geran Pelancaran, dengan kadar RM2,700 sekali gus dipertimbangkan kumpulan sasaran JKM bagi memulakan projek atau pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan bulanan selamanya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 22 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 38

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah TASKA di tempat kerja sektor awam yang sedia ada, jumlah TASKA di tempat kerja sektor awam yang dibina dalam tempoh satu tahun ini, dan jumlah TASKA di tempat kerja sektor awam yang dirancang untuk dibina dan garis masanya di peringkat negeri dan Kerajaan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik bilangan TASKA di tempat kerja sektor awam yang berdaftar dengan JKM sehingga Februari 2019 adalah sebanyak **222** buah. TASKA di tempat kerja sektor awam yang berjaya didaftarkan pada tahun 2018 adalah sebanyak **25** buah.

Kementerian telah menerima peruntukan kewangan pada tahun 2019 bagi penubuhan 50 buah TASKA di Bangunan Kerajaan dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM 10 juta. Melalui peruntukan ini, sebanyak **65** buah agensi/ jabatan seluruh Malaysia telah diluluskan untuk menubuhkan TASKA di Tempat Kerja iaitu telah melebihi sasaran sebenar. 65 buah agensi/ Jabatan ini akan diberi khidmat nasihat oleh Pegawai Diberi kuasa di peringkat Daerah dan dijangka akan beroperasi dalam tahun semasa.

Berhubung dengan perancangan penubuhan TASKA di Tempat Kerja untuk tahun seterusnya, perlu melihat kepada keperluan dan kesediaan Kementerian/ agensi/ jabatan memandangkan penubuhan TASKA ini adalah bergantung kepada beberapa perkara seperti;

- i. permintaan daripada pekerja,
- ii. ruang fizikal,
- iii. peruntukan untuk penubuhan dan faktor-faktor lain.

Bagi agensi Kerajaan yang mempunyai perancangan untuk menubuhkan TASKA di Tempat Kerja Awam, kementerian akan membantu dari segi khidmat nasihat secara menyeluruh dari masa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**
TARIKH : **22 APRIL 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 54

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perkembangan terkini usaha Kerajaan untuk menyelaraskan perundangan berkaitan di negara ini dalam menetapkan had umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi melarang perkahwinan bawah umur berikutan dengan kes-kes baru yang berlaku baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana prihatin terhadap isu perkahwinan bawah umur ini. Dalam usaha Kerajaan menangani isu perkahwinan bawah umur, Kerajaan telah mengadakan beberapa siri sesi konsultasi dan perbincangan dengan pelbagai pihak seperti kementerian/jabatan Kerajaan, ahli akademik, pakar hak asasi kanak-kanak, NGO, agamawan dan wakil Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak bagi memberikan situasi perkahwinan bawah umur orang Islam, orang bukan Islam, orang asli dan perkahwinan adat di negeri masing-masing.

Sehingga kini, penelitian terperinci telah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) terhadap cadangan pindaan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] bagi menaikkan had umur pendaftaran perkahwinan kepada 18 tahun. Pihak KDN mendapati bahawa tiada keperluan untuk meminda peruntukan berkaitan had umur pendaftaran perkahwinan di bawah Akta 164 kerana telah diperuntukkan dengan jelas had umur minimum pendaftaran perkahwinan bagi lelaki dan wanita iaitu 18 tahun. Pengecualian hanya diberi kepada wanita berumur 16 dan 17 tahun yang mendapat kebenaran daripada Ketua Menteri/Menteri Besar. Pengecualian ini walau bagaimanapun, akan ditangani melalui mekanisme kawalan yang akan dilaksanakan melalui penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) permohonan perkahwinan bawah umur.

Bagi orang Islam pula, berdasarkan maklumat yang diterima daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) satu draf pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 [Akta 303] sedang disediakan dengan meminda umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi perempuan serta dengan menjadikan tatacara-tatacara permohonan kebenaran untuk berkahwin di bawah had umur minimum sebahagian daripada pindaan Akta 303. Pada masa ini, sesi perbincangan dan libat urus bersama agensi-agensinya masih diteruskan bagi memastikan pindaan yang dicadangkan tersebut adalah komprehensif dan dapat

SOALAN NO. 54

dikuatkuasakan secara berkesan kelak. Selain daripada itu, cadangan pindaan tersebut akan dibentangkan kepada negeri-negeri melalui Majlis Dialog dan Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas. Oleh yang demikian, RUU ini akan dibentangkan di Parlimen setelah sesi rundingan dengan negeri-negeri dan stakeholders selesai dijalankan dan setelah draf pindaan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain usaha daripada aspek perundangan, pada tahun ini Kerajaan akan menumpukan kepada langkah-langkah dalam menangani punca perkahwinan bawah umur. Sebagai tindakan awal, Kerajaan telah mengadakan sesi libat urus pertama melalui Sesi Meja Bulat Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 25 Februari 2019 dengan penyertaan daripada pelbagai agensi Kerajaan, NGO, ahli akademik dan Exco-Exco Wanita. Antara perkara yang dibincangkan dalam sesi ini ialah mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh Kerajaan dan NGO dalam menangani punca utama perkahwinan bawah umur seperti kemiskinan, keciciran pendidikan, tiada pengetahuan kesihatan reproduktif seksual dan tekanan sosial atau stigma masyarakat.

Sesi libat urus kedua akan diadakan di antara agensi Kerajaan bagi meneliti draf pelan tindakan atau *roadmap* menangani punca perkahwinan bawah umur yang dinyatakan sebentar tadi. *Roadmap* ini dijangka akan turut dibentangkan sebagai perkongsian dengan negara-negara ASEAN dalam, dengan izin, *ASEAN Workshop on Early Marriages: Sharing Best Practices* yang dijangka akan diadakan pada bulan Oktober atau November 2019.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATUK JOHN AMBROSE**
TARIKH : **22 APRIL 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 61

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- a) bilakah Kementerian ini akan menyediakan satu pelan tindakan latihan dan sara hidup untuk wanita-wanita yang memerlukan khususnya di Sabah; dan
- b) apakah pendirian serta pelan tindakan Kementerian terhadap lebih daripada 50,000 kanak-kanak tanpa warganegara di Sabah.

JAWAPAN

- (a) Bilakah Kementerian ini akan menyediakan satu pelan tindakan latihan dan sara hidup untuk wanita-wanita yang memerlukan khususnya di Sabah;**

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Wanita Negara telah digubal pada tahun 1989 berhasrat untuk mencapai kesaksamaan gender melalui program-program yang telah dirangka menerusi Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Pelan tersebut disediakan untuk menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengarusperdanakan kepentingan wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan negara. Kementerian sedang dalam proses mengkaji semula keberkesanan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara (PTPWN) melalui satu kajian *Gender Mainstreaming* yang sedang dijalankan dengan kerjasama *United Nations Development Programme (UNDP)*. Kajian yang sedang dijalankan ini akan membantu Kementerian menyediakan pelan tindakan yang lebih baik dan komprehensif dengan mengambil kira isu-isu yang dihadapi wanita dari segi sosial dan ekonomi. Pelan tindakan tersebut akan merangkumi keperluan wanita di Malaysia termasuk di di Sabah dan Sarawak.

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan taraf ekonomi golongan wanita sama ada di bandar atau luar bandar melalui program pemerksaan ekonomi wanita. Kementerian berharap program-program tersebut dapat membantu wanita-wanita *vulnerable* dan memerlukan di Sabah terutamanya.

(b) Apakah pendirian serta pelan tindakan Kementerian terhadap lebih daripada 50,000 kanak-kanak tanpa warganegara di Sabah

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 31 Mac 2019, didapati sebanyak 44,703 orang kanak-kanak di negeri Sabah telah didaftarkan dan dikeluarkan Sijil Kelahiran dengan status 'Bukan Warganegara' atau 'Belum Ditentukan'.

Pendirian Kementerian terhadap kanak-kanak ini adalah jelas di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Akta ini terpakai kepada semua kanak-kanak di Malaysia, tanpa mengira status kewarganegaraan. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab memberikan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada mana-mana kanak-kanak yang memerlukan seperti yang termaktub dalam Akta ini.

Sekiranya didapati telah berlaku pengabaian atau penderaan, JKJ akan bertindak menyelamatkan kanak-kanak tersebut berdasarkan kepada Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001. Sekiranya kanak-kanak tersebut disahkan sebagai bukan warganegara, akan terus dirujuk kepada Jabatan Imigresen atau pihak kedutaan yang terlibat. Manakala bagi kanak-kanak yang tiada dokumen pengenalan diri, JKJ akan menasihati ibu bapa atau penjaga untuk menguruskan permohonan Daftar Lewat Kelahiran kanak-kanak dengan kerjasama Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara. Sekiranya ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tidak dapat dikesan, maka kanak-kanak tersebut akan diberi perlindungan di institusi kebajikan.

Secara khususnya di Sabah, Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) Sabah menyediakan tenaga kerja bagi Rumah Perlindungan Ehsan Sabah yang ditubuhkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Rumah Perlindungan ini memberi pemeliharaan dan perlindungan kepada kanak-kanak jalanan yang mengemis khususnya bukan warganegara Malaysia. Antara perkhidmatan disediakan adalah menyediakan makanan tambahan, memberikan pendidikan asas 3M iaitu

SOALAN NO. 61

membaca, menulis dan mengira, pendidikan moral dan kerohanian, penjagaan diri dan kesihatan, membantu memberikan khidmat nasihat dan kaunseling serta melaksanakan aktiviti riadah dan sukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung isu status kewarganegaraan kanak-kanak ini, saya difahamkan bahawa Kementerian Dalam Negeri sedang dalam peringkat akhir pengemaskinian Prosedur Operasi Standard Permohonan Kewarganegaraan terutamanya bagi individu berumur bawah 21 tahun. Penambahbaikan yang dicadangkan adalah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Perlembagaan Persekutuan serta mengambil kira kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN**
TARIKH : **22 APRIL 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 91

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Garis Panduan Pemandanan Jawatan dalam Perkhidmatan Awam Kepada OKU akan siap, Garis panduan ini amat diperlukan sebagai panduan kepada Kementerian-kementerian bagi pengambilan penjawat awam OKU demi memenuhi polisi kuota 1% yang ditetapkan oleh kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Garis Panduan Pemadanan Jawatan dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya (OKU) telah pun disiapkan dan kini menunggu pengesahan dan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Setelah disahkan, semua kementerian dan agensi kerajaan dapat menjadikannya rujukan utama untuk pemadanan jawatan kepada OKU.

Garis Panduan ini disediakan bagi memenuhi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010: Pencapaian Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada OKU. Tujuan garis panduan ini disediakan adalah sebagai rujukan kepada Ketua-Ketua Perkhidmatan, Pihak Berkuasa Melantik dan mana-mana agensi kerajaan bagi mengenalpasti perjawatan yang bersesuaian dengan keupayaan, kelayakan dan kemahiran seseorang OKU. Garis panduan ini telah disediakan dengan penglibatan pelbagai pihak iaitu Persatuan-Persatuan Sukarela OKU, agensi awam dan Pihak Berkuasa Melantik bermula tahun 2016 hinggalah deraf akhir disiapkan pada tahun 2018.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' ONG CHONG SWEN**
TARIKH : **22 APRIL 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 89

Dato' Ong Chong Swen minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bila Kerajaan akan menggubal undang-undang yang akan menangani isu gangguan seksual, kerana undang-undang sedia ada terhad kepada pekerja sahaja di bawah Akta Pekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Malaysia tidak mempunyai satu undang-undang khusus bagi menangani isu gangguan seksual, walau bagaimanapun terdapat beberapa peruntukan yang agak komprehensif khususnya peruntukan dalam undang-undang, garis panduan dan kod amalan yang boleh digunapakai untuk isu-isu berkaitan gangguan seksual iaitu:

- i. Kanun Keseksaan (Akta 574);
- ii. Pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265);
- iii. Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja (1999); dan
- iv. Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 5 Tahun 2018

Kementerian sedang melihat keperluan sama ada untuk menggubal satu akta khusus yang bersesuaian bagi menangani isu gangguan seksual atau melihat keperluan untuk memperkemas dan memperkukuhkan peruntukan perundangan sedia ada bagi melengkapkan lagi peruntukan perundangan sedia ada terutama dalam aspek perlindungan.

Kementerian sedang mengkaji '*best practices*' yang dilaksanakan di luar negara bagi melihat aspek terbaik yang boleh digunakan sebagai panduan untuk menggubal akta yang berkaitan, sekiranya diperlukan. Di samping itu, Kementerian juga mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mendapatkan input-input yang diperlukan bagi cadangan penggubalan satu akta khusus gangguan seksual.

Kementerian berpandangan bahawa perlu satu gerakan menyeluruh bagi memperkasakan pengetahuan berhubung peruntukan undang-undang sedia ada terutama kesedaran mengenai undang-undang yang berkaitan dengan gangguan seksual di dalam Kanun Keseksaan. Di samping itu adalah penting juga untuk menyediakan sistem sokongan yang lebih efektif bagi membolehkan mangsa gangguan seksual lebih berani tampil ke hadapan membuat aduan sekiranya rasa terancam, terganggu atau terhina oleh mana-mana perbuatan atau kelakuan berbaur seksual.